

No. Kelas: .....  
No. Perolehan: .....  
Tarikh: .....

SUKAN DI UNIVERSITI MALAYA :  
PEMBANGUNAN DAN PENGLIBATAN PELAJAR

R. TANASEKARAN RAMAIYA

NO. MATRIKS : 60177

LATIHAN ILMIAH INI ADALAH UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT  
UNTUK MENDAPATKAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA

1993/94

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia latihan ilmiah saya Prof. Madya Dr. Fauzi Hj. Yaacob kerana telah sudi menerima dan menyelia latihan ilmiah ini.

Seterusnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pusat Sukan kerana telah banyak membantu saya dengan memberikan segala maklumat dan data mengenai kegiatan sukan di Universiti Malaya. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Persatuan Puspita dan Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani Asrama-asrama di Universiti Malaya kerana telah membantu saya dengan memberikan maklumat yang dikehendaki untuk latihan ilmiah ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada ayah saya kerana tanpa dorongan dan sokongan moral dari beliau, saya tidak mungkin melibatkan diri dalam bidang sukan khasnya sukan olahraga. Penglibatan saya dalam bidang sukan di Universiti Malaya telah memberi keyakinan kepada saya untuk membuat penyelidikan berkenaan aktiviti sukan di universiti ini.

Akhirnya, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kawan-kawan saya dan pihak-pihak lain yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala kelemahan dan kekurangan dalam latihan ilmiah ini adalah tanggungjawab saya sendiri.

R. TANASEKARAN

Januari, 1994.

## SINOPSIS

Latihan ilmiah ini adalah berkenaan kegiatan sukan di Universiti Malaya. Universiti sebagai satu institusi, seharusnya dapat mengembangkan bakat yang ada pada ahli-ahli sukan selepas alam persekolahan mereka. Tetapi ramai ahli sukan didapati tidak lagi aktif dalam bidang sukan sepetimana di bangku sekolah dahulu. Ini memberi satu inspirasi kepada saya untuk membuat satu penyelidikan terhadap pembangunan dan penglibatan pelajar dalam sukan di universiti ini.

Dalam latihan ilmiah ini, telah dibincangkan berkenaan pembangunan sukan dan penglibatan pelajar di universiti ini. Pembangunan sukan dikaji dalam tempoh masa antara 1980 hingga 1992. Dalam mengkaji pembangunan sukan pengkaji telah memberi penekanan terhadap kemudahan sukan di universiti ini.

Penyelidikan juga dibuat tentang penglibatan pelajar dari segi matlamat dan falsafah sukan Universiti Malaya. Di samping itu, juga dianalisa tentang masalah-masalah yang pelajar-pelajar hadapi semasa melibatkan dalam aktiviti sukan. Tidak ketinggalan juga diberikan syor-syor

penyelesaian kepada masalah-masalah itu.

Peranan asrama khasnya Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani dan Persatuan Puspita dalam aktiviti sukan di Universiti Malaya turut dikaji. Asrama sebagai tempat kediaman bagi sebahagian besar daripada pelajar-pelajar di universiti ini, harus memainkan peranan yang penting dalam membangunkan aktiviti sukan di universiti dan menarik minat pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan dengan lebih giat lagi.

Akhir sekali, pengkaji memberikan beberapa cadangan dan prospek dalam pembangunan sukan di Universiti Malaya supaya universiti ini dapat melahirkan ahli-ahli sukan yang bertaraf tinggi dan menjadi satu pusat penyelidikan sukan yang penting di negara ini demi kemajuan sukan negara.

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN .....	i
SINOPSIS .....	iii
KANDUNGAN .....	v
SENARAI JADUAL/RAJAH .....	vii
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN .....	viii
BAB I : PENDAHULUAN .....	1
A : Kajian Penyelidikan .....	1
B : Matlamat Kajian/Tujuan Kajian.	3
C : Skop Kajian .....	4
D : Metadologi Kajian .....	5
E : Kesimpulan .....	7
BAB II : SUKAN DI UNIVERSITI MALAYA :	
LATARBELAKANG .....	9
A : Pendahuluan .....	9
B : Perkembangan Sukan : 1980-1992	9
C : Kemudahan Sukan Yang Sedia Ada.	13
D : Kemudahan Sukan Yang Telah Dirancang .....	16
E : Kesimpulan .....	19

BAB III : PEMBANGUNAN SUKAN DAN PENGLIBATAN PELAJAR .....	21
A : Pendahuluan .....	21
B : Penglibatan Pelajar .....	22
C : Peranan Asrama Dan Persatuan Puspita .....	39
D : Kesimpulan .....	42
 BAB IV : CADANGAN-CADANGAN, PROSPEK DAN KESIMPULAN .....	44
A : Pendahuluan .....	44
B : Cadangan-cadangan .....	45
C : Prospek Pembangunan Sukan ....	47
D : Kesimpulan .....	48
 LAMPIRAN 1     Sijil Pengerusi JKP Sukan dan Jasmani .....	51
LAMPIRAN 2     Sijil Olahragawan Pengkaji Dalam Sukmum .....	52
LAMPIRAN 3     Kompleks Kolam Renang dan Kompleks Damansara .....	53
LAMPIRAN 4     Kedudukan tiga kompleks dalam rancangan .....	54
LAMPIRAN 5     Kelab Olahraga Asrama Bestari (KOAB) .....	55
 BIBLIOGRAFI .....	58

## SENARAI JADUAL/RAJAH

Jadual	Halaman
2.1 Rancangan Kemudahan Sukan di Kompleks Pusat.....	17
2.2 Rancangan Kemudahan Sukan di Kompleks Kolam Renang .....	18
3.1 Minat pelajar dalam sukan .....	27
3.2 Penglibatan pelajar dalam sukan .....	27
3.3 Peringkat penglibatan pelajar di sekolah.	28
3.4 Tindakan terhadap soalan am .....	38
Rajah	
2.1 Tahap Perkembangan Pentadbiran Sukan di Universiti Malaya.....	11
3.1 Penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan.	23
3.2 Penglibatan 100% untuk pencapaian kecemerlangan .....	25

## SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

ASEAN	-	Asean University Games
JIA	-	Jawatankuasa Induk Asrama
JKP Sukan	-	Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani
JTA	-	Jawatankuasa Tindakan Asrama
MU-NUS	-	Sukan antara Universiti Malaya dan Universiti Nasional Singapura
SUKMAS	-	Sukan Mahasiswa Universiti-universiti Malaysia
SUKMUM	-	Sukan Mahasiswa Universiti Malaya
TIG	-	Triennial Intervarsity Games
UMAU	-	Universiti Malaya Athletic Union

## BAB 1 PENDAHULUAN

### A. Kajian Penyelidikan

Penyelidikan ini adalah berkenaan dengan aktiviti atau kegiatan sukan di Universiti Malaya, khasnya dari segi pembangunannya dan penglibatan pelajar dari tahun 1980 hingga 1992. Tumpuan juga akan diberikan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa penglibatan mereka dalam kegiatan sukan. Tidak ketinggalan juga saya akan mengemukakan syor-syor bagi penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar.

Ramai ahli sukan 'menghilangkan diri' sebaik sahaja menjejakkan kaki di universiti ini. Sebagai penuntut universiti, sukan harus diambil sebagai salah satu daripada aktiviti penting di samping kegiatan akademik. Sukan dikatakan dapat mengembangkan dan menguatkan tenaga mental dan fizikal seseorang individu. Ia merupakan satu bentuk pendidikan tidak formal yang memberi peluang kepada individu mencapai nilai-nilai kehidupan yang sempurna, seperti disiplin diri, rasa tanggungjawab kepada persekitaran dan keupayaan untuk membahagikan masa dengan baik. Malalui pencapaian dan semangat kesukunan yang cemerlang pula, nama dan imej universiti atau kolej di-

sanjung tinggi. Oleh sebab itu, sebarang usaha untuk meningkatkan mutu sukan patut dipuji dan diberi sokongan. Akan tetapi bagi pelajar-pelajar universiti, keinginan untuk bersukan ini biasanya diracuni oleh sentimen bahawa sukan membebankan kegiatan akademik. Maka segala usaha untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan tidak tercapai dengan sepenuhnya.

Apabila dilihat dari sudut pembangunan sukan di Universiti Malaya, peranan Pusat Sukan sebagai institusi tunggal yang mentadbir dan membangunkan kegiatan sukan harus diteliti dan dikenalpasti dengan jelas. Adakah Pusat Sukan telah dapat menjadi satu sistem interaksi yang dinamik, kreatif, bertanggungjawab dan saling sokong menyokong antara komponen-komponen utama dalam kewujudan kegiatan sukan di kalangan pelajar-pelajar di Universiti Malaya? Komponen-komponen yang dimaksudkan ialah Pentadbiran Universiti, Pentadbiran Asrama, Pentadbiran Fakulti dan akhirnya pelajar-pelajar sendiri.

Dalam membuat kajian tentang pembangunan sukan dan penglibatan pelajar, memang tidak boleh dihadkan hanya kepada Pusat Sukan sahaja. Malah pentadbiran asrama dan Persatuan Puspita turut memainkan peranan yang penting.

Asrama sebagai tempat kediaman, harus memainkan peranan yang penting dalam melibatkan pelajar-pelajar dalam kegiatan sukan melalui Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani (JKP Sukan). Di sini, saya akan menyelidiki apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh asrama-asrama dalam membangunkan kegiatan sukan di Universiti Malaya dan juga dalam usaha menarik pelajar-pelajar melibatkan diri dalam kegiatan sukan.

#### B. Matlamat Kajian/Tujuan Kajian

Pada umumnya kajian mengenai pembangunan sukan dan penglibatan pelajar dalam kegaitan sukan di Universiti Malaya masih berkurangan. Tanpa suatu penyelidikan yang teratur, saintifik dan sistematik, kita tidak dapat mengenalpasti sejauhmanakah pembangunan sukan di Universiti Malaya telah mencapai matlamatnya dan sejauhmana penglibatan pelajar memuaskan dari segi falsafah dan matlamat sukan di Pusat Pengajian Tinggi ini. Berdasarkan pada pernyataan di atas, kajian ini meliputi matlamat-matlamat berikut:

- i) Meneliti dan mengkaji latarbelakang pembangunan sukan di universiti ini dari tahun 1980 hingga tahun 1992.
- ii) Meneliti dan mengkaji kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada dan yang telah dirancang.

- iii) Meneliti dan mengkaji penglibatan pelajar dari segi falsafah dan matlamat sukan di Universiti Malaya.
- iv) Meneliti struktur organisasi dan fungsi pentadbiran asrama khasnya Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani
- v) Mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar apabila melibatkan diri dalam kegiatan sukan di kampus ini
- vi) Mengemukakan syor-syor yang diharap dapat menyumbangkan kepada penyelesaian masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi

#### C. Skop Kajian

Dalam usaha untuk menjalankan kajian ini, kajian telah dihadkan skopnya pada usaha pembangunan sukan dan penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan. Untuk meneliti sejarah perkembangan pembangunan sukan di kampus, tempoh masa yang dipilih adalah dari tahun 1980 hingga 1992. Ini adalah kerana dalam jangkamasa tersebut falsafah dan matlamat sukan Universiti Malaya khasnya dari segi pembangunan dan penglibatan pelajar telah melalui beberapa perubahan yang penting.

#### D. Metodologi Kajian

Pelbagai pendekatan telah digunakan di dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan data dan maklumat. Ianya boleh dikategorikan kepada empat pendekatan yang utama.

##### i) Pemeriksaan fail dan rekod

Data-data dikumpulkan daripada sumber-sumber seperti Buku Tahunan Universiti Malaya, maklumat pelajar, laporan-laporan seminar dan persidangan, majalah-majalah dan buletin-buletin.

##### ii) Temuramah peribadi

Temuramah peribadi ke atas pegawai-pegawai Pusat Sukan, pemerhati sukan, penghuni-penghuni asrama, pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani.

##### iii) Pemerhatian melalui penyertaaan

Saya telah menyertai pelbagai program sukan anjuran asrama khasnya Asrama Bestari dan Pusat Sukan. Penglibatan saya sebagai peserta dan pengelola selama empat tahun di Unviersiti Malaya telah menyedarkan saya berkenaan masalah-masalah kegiatan sukan di kampus ini. Sejak sesi (1990/91) hingga sesi (1993/94) saya telah mewakili asrama keempat

iaitu Asrama Bestari dan Universiti Malaya dalam sukan olahraga dan pernah menjawat jawatan Pengurus Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani kolej Keempat pada sesi 1991/92 (Lihat Lampiran I). Di samping itu, saya juga dilantik sebagai Ketua Pasukan Olahraga Asrama Bestari dan juga Universiti Malaya. Malah saya telah dipilih sebagai Olahragawan Lelaki dalam Sukan Mahasiswa Universiti Malaya yang pertama kali diadakan pada sesi (1992/93) (Lampiran II). Daripada pengalaman saya dalam bidang sukan selama empat tahun di kampus ini, saya sedar akan beberapa kekurangan dan kelemahan yang ada dalam aspek pembangunan sukan dan kegiatan sukan di Universiti Malaya. Saya juga secara kasar telah mengetahui beberapa masalah penting yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa mereka melibatkan diri dalam kegiatan sukan di Universiti Malaya. Didapati ramai ahli sukan yang mewakili daerah ataupun negeri di peringkat sekolah dahulu, kini 'menghilangkan diri' sebaik sahaja menjajakan kaki di universiti. Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan sedemikian akan dibincangkan dalam bab tiga yang berkaitan dengan penglibatan pelajar.

iv) Soal-selidik

Kaedah ini merupakan pendekatan utama untuk mendapatkan 'feedback' langsung daripada pelajar. Persoalan

utama yang akan dikajiselidik ialah mengenai segala masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar apabila mereka melibatkan diri dalam aktiviti sukan di universiti ini. Tambahan pula, akan diteliti juga tentang cadangan-cadangan daripada pelajar dalam meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam kegiatan sukan dan seterusnya membangunkan lagi pencapaian aktiviti sukan di universiti ini. Pelajar yang dikajiselidik adalah seramai seratus orang dimana mereka terdiri daripada pelbagai kaum dan jantina. Kumpulan sasaran penyelidikan pelajar ialah pelajar tahun kedua hingga akhir. Mereka difikirkan lebih sesuai kerana dianggap mengetahui dengan lebih baik tentang kegiatan sukan di universiti ini. Pelajar diberi dua minggu untuk mengisi borang soal selidik. Daripada 100 orang yang dipilih hanya tiga perempat daripada mereka yang telah memulangkan borang soal selidik. Pelajar-pelajar lain tidak memberi apa-apa 'respon' ataupun ada yang menghilangkan borang yang diberi.

#### E. Kesimpulan

Diharap dengan adanya kajian penyelidikan seumpama ini, maka kita dapat mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang pembangunan sukan di universiti ini. Selain daripada itu, dapat juga mengenalpasti sejauh manakah

penglibatan pelajar seimbang dengan matlamat dan falsafah sukan Universiti Malaya. Tambahan pula, dengan mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi dalam kegiatan sukan di Universiti Malaya, ianya akan membawa kepada cara-cara penyelesaian yang wajar. Ini akhirnya akan membawa kepada suatu keadaan di mana Universiti Malaya dapat melahirkan bukan sahaja individu yang berkeupayaan dalam bidang akademik malah yang sihat dan cergas dari segi fizikal.

Perkembangan sukan di peringkat universiti dan juga asrama mestilah sentiasa seiring dengan Dasar Sukan Negara demi untuk menjayakan tema 'Malaysia Cergas'. Konsep ini memberi penekanan kepada usaha meluaskan kegiatan sukan dan rekreasi dengan melibatkan sebanyak bilangan penduduk di Malaysia. Ini merupakan satu usaha yang murni demi mewujudkan kecergasan nasional. Saya berharap dengan kajian saya ini usaha ke arah itu akan mendapat perhatian yang lebih luas lagi.

A. Pendahuluan

Sebagai langkah awal adalah perlu untuk mengetahui dengan jelas latar belakang sejarah pembangunan sukan di universiti ini. Pengetahuan ini dianggap penting kerana wujudnya perbezaan dari segi konsep, fungsi dan pendekatan yang diamalkan dalam setiap tahap perkembangan.

Istilah pembangunan dirujuk sebagai usaha membangun, memajukan dan mengembangkan sesuatu. Profesor Ungku Aziz menyatakan pembangunan sukan ialah penyertaan (jumlah orang yang terlibat dalam aktiviti sukan secara aktif), pencapaian (kejayaan di dalam permainan dan rekod-rekod yang dipecahkan) dan kecergasan peserta. Di dalam penyelidikan ini istilah pembangunan hanya dihadkan kepada pencapaian matlamat dan falsafah sukan Universiti Malaya, penglibatan ataupun partisipasi pelajar dan kemajuan sukan dari segi kemudahan-kemudahan sukan di Universiti Malaya.


B. Perkembangan Sukan : 1980-1992

Walaupun tempoh masa yang diselidiki hanya dari tahun 1980 hingga 1992, namun eloklah jika mengimbas kembali sedikit sebanyak latarbelakang perkembangan sukan di kampus

ini. Sebenarnya buku-buku rujukan amat kurang berkaitan sukan di kampus ini. Keadaan ini disebabkan oleh kurangnya Tatihan ilmiah yang diusahakan berkenaan topik sukan di Universiti Malaya. Maka, bahan bacaan hanyalah yang berbentuk Laporan persidangan, seminar sukan dan Laporan Tahunan Universiti Malaya. Dengan sumber-sumber yang terhad ini, dapat dirumuskan bahawa corak pentadbiran dan pembangunan sukan di universiti ini dapat dikategorikan seperti berikut:

- Tahap I - antara tahun 1949 hingga 1958 iaitu perkembangan awal di Singapura
- Tahap II - antara tahun 1959 hingga 1974 iaitu era Universiti Malaya Athletic Union (UMAU).
- Tahap III - antara tahun 1975 hingga 1985 iaitu pentadbiran Unit Sukan Hal Ehwal Pelajar.
- Tahap IV - antara tahun 1986 sehingga sekarang iaitu pentadbiran Pusat Sukan.

Rajah 2.1 Tahap Perkembangan Pentadbiran Sukan di Universiti Malaya



Penyelidikan ini adalah dari tahun 1980 hingga 1992.

Maka di sini akan dibincangkan perkembangan pembangunan sukan dari tempoh masa tersebut. Sebagaimana yang diketahui, sejak tahun 1975 hingga tahun 1985 pentadbiran sukan di Universiti ini telah berada di bawah pimpinan Unit Sukan Hal Ehwal Pelajar. Pada tahun 1978, Unit Sukan berada di bawah pimpinan Encik Chua Ah Tok. Di bawah pimpinannya berlaku sedikit sebanyak pembangunan dalam aktiviti sukan di sini. Program sukan dibahagikan kepada dua jenis iaitu aktiviti intramural dan aktiviti extramural. Berikut adalah penerangan yang ringkas mengenai kedua-dua aktiviti tersebut.

- a) Aktiviti Intramural - Aktiviti ini merupakan kegiatan sukan yang diadakan seperti pertandingan permainan antara asrama. Kejohanan-kejohanan tertutup, pesta sukan dan seni mempertahankan diri.
- b) Aktiviti Extramural - Aktiviti ini adalah seperti pertandingan permainan antara universiti, sukan MUNUS, iaitu antara Universiti Malaya dan Universiti Nasional Singapura dan Sukan Triennial Intervarsiti Games (TIG) antara Universiti-universiti dari Indoensia, Hong Kong, Singapura dan Malaysia.

Pada tahun 1986, Unit Sukan dinaikkan ke taraf Pusat Sukan. Pentadbiran Pusat Sukan dianggotai oleh seorang Pengarah Sukan, seorang Pegawai Kemajuan Sukan dan dibantu oleh 5 orang Penolong Pegawai Sukan serta ahli Jawatankuasa Pengelola Sukan Universiti yang berjumlah 34 orang.

Mulai tahun 1987, Pusat Sukan telah mengelolakan beberapa kursus permulaan bagi menggalakkan lagi perkembangan kegiatan sukan seperti renang, tenis, skuasy dan badminton. Kursus-kursus ini terbuka kepada pelajar serta kakitangan dan dianjurkan selama beberapa minggu dengan kegiatan-kegiatan latihan dan tunjuk ajar dijalankan beberapa kali. Pada tahun 1990, Datuk Mohd. Yunus Noor telah mengubah seluruh struktur pentadbiran dan pembangunan sukan di Pusat Sukan. Falsafah dan matlamat Pusat Sukan juga telah berubah dan memberi kepentingan kepada pembentukan fizikal, mental, sosial dan emosi individu.

#### C. Kemudahan Sukan Yang Sedia Ada

Satu daripada alat penting yang meningkatkan kegiatan sukan ialah kemudahan-kemudahan sukan. Oleh itu, perlu ada satu rancangan pembangunan kemudahan sukan yang lengkap dan sempurna. Pembangunan kemudahan sukan bermakna penambahan dan peningkatan alat-alat yang digunakan untuk aktiviti bersukan yang mendatangkan manfaat kepada orang yang menggunakaninya. Manfaat yang dimaksudkan ialah ia dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan, pencapaian dan kecergasan peserta sukan. Dengan ini ianya akan membantu mencapai falsafah dan matlamat yang telah digariskan. Difinisi kemudahan sukan yang dimaksudkan

ialah kemudahan-kemudahan seperti padang, gelanggang, bangunan sukan, kolam renang dan alat-alat sukan seperti bola, pakaian sukan dan kasut sukan. Kemudahan sukan di Universiti Malaya sebenarnya cukup untuk menjalankan aktiviti sukan, tetapi dengan adanya penambahan pelajar setiap tahun, maka kemudahan-kemudahan ini menjadi tidak mencukupi. Oleh itu, satu rancangan pembangunan kemudahan sukan adalah perlu untuk mengatasi masalah ini. Berikut adalah segala kemudahan sukan yang sedia ada di Universiti Malaya.

a. Bangunan Sukan

- i. Dua buah jimnasium di Asrama Pertama dan Kedua
- ii. Lapan buah gelanggang skuasy
- iii. Setor sukan berhampiran bangunan Baktisiswa
- iv. Bilik 'multi-gym' berhampiran bangunan Baktisiswa

b. Padang Sukan

- i. Dua buah padang bola di kompleks sukan
- ii. Dua buah padang hoki, sebuah di kompleks sukan sebuah berhampiran Asrama Pertama
- iii. Sebuah padang ragbi
- iv. Dua buah padang bola baling

c. Gelanggang-gelanggang

- i. Tujuh buah gelanggang tenis
- ii. Dua buah gelanggang bola keranjang
- iii. Empat buah gelanggang sepak takraw
- iv. Empat buah gelanggang bola tampar
- v. Lima buah gelanggang bola jaring
- vi. Sebuah gelanggang bola baling

d. Kolam renang yang dibuka dengan rasminya pada tahun 1987. Kolam renang ini berukuran 50 meter kali 22 meter dan terletak di kompleks sukan.

Semua kemudahan di atas boleh digunakan oleh pelajar dan kakitangan untuk rekreasi pada bila-bila masa tetapi untuk mengadakan pertandingan mesti mendapat kebenaran bertulis dari Pusat Sukan kecuali bagi aktiviti anjuran Pusat Sukan.

Kemudahan sukan di universiti sebagaimana disebutkan boleh dikatakan banyak dan cukup untuk menjalankan kegiatan sukan. Tetapi untuk bilangan pelajar yang hampir 10 hingga 12 ribu setiap tahun, ianya masih dikatakan tidak mencukupi. Pertambahan pelajar sentiasa berlaku. Misalnya, pada sesi 1988/89 jumlah keseluruhan pelajar

Universiti Malaya ialah 12,373 orang. (Laporan Naib Canselor 1989:220). Maka, apabila bilangan pelajar meningkat sudah semestinya akan timbul masalah kekurangan kemudahan sukan untuk menjalankan aktiviti sukan di universiti.

Oleh yang demikian, wujudlah satu rancangan pembangunan kemudahan sukan di Universiti Malaya di bawah Pusat Sukan. Rancangan pembangunan sukan yang meliputi Kompleks Pusat, Kompleks Kolam Renang dan Kompleks Damansara menelan belanja sebanyak \$6 juta. Untuk menjayakan rancangan ini Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak \$1.5 juta manakala bakinya adalah diharapkan sumbangan-sumbangan badan-badan korporat di negara ini. (Budiman, 1991:1).

#### D. Kemudahan Sukan Yang Telah Dirancang

##### a. Kompleks Pusat

Kompleks Pusat merupakan kompleks yang paling utama. Kedudukannya adalah lebih kurang di tengah-tengah kampus dan menjadi pusat segala aktiviti sukan yang penting. Jadual 2.1 menunjukkan rancangan kemudahan sukan di Kompleks Pusat.

Jadual 2.1 Rancangan Kemudahan Sukan Di Kompleks Pusat

Permainan	Sedia ada	Sedang dibina	Diperlukan
Badminton	6 dalam Jim *	6 terbuka	-
Balapan dan Padang	1 Rumput	-	1 trek Mondo
Bola Jaring	2 Padang	2 Padang	-
Bola Keranjang	2 Dalam Jim*	2 Terbuka	-
Bola Sepak	2 Padang	1	-
Bola Tampar	2 Dalam Jim*	4 terbuka	-
Hoki	1	-	1
Tenis Meja	-	4 Meja	-
Sepak Takraw	6 Dalam Jim*	5 terbuka	-
Tenis	6	6	-
Kriket	-	-	1 Pitch
Trek Kecergasan	-	4	-
Golf Green	-	-	1 Lubang

Sumber : Pusat Sukan

Nota : \*Berkongsi dalam Jim di Asrama Pertama dan Asrama Kedua

6. Kompleks Kolam Renang

Kompleks Kolam Renang terletak berhampiran dengan Asrama Kelima. Jadual 2.2 menunjukkan penambahan kemudahan sukan di Kompleks Kolam Renang.

Jadual 2.2 : Rancangan Kemudahan Sukan Di Kompleks  
Kolam Renang

Permainan	Sedia ada	Sedang Dibina	Diperlukan
Badminton	-	-	8 dalam Dewan
Bola Baling	-	-	1 Gelanggang
Bola Keranjang	-	2	2 dalam Dewan
Bola Tampar	-	3	2 Dalam Dewan
Bola Jaring	-	-	2 Dalam Dewan
Bola Sepak	2	-	-
Sepak Takraw	-	4	4 Dalam Dewan
Hoki	1	1	-
Tenis	-	4	-
Tenis Meja	-	-	8 buah Meja
Squasy	8	-	-
Kolam Polo Air	-	-	1
Kolam Renang	1	-	-
Taekwando	-	-	1 bilik
Taichi	-	-	1 bilik
Erobik	-	-	1 bilik
Silat	-	-	1 bilik

Sumber : Pusat Sukan

c. Kompleks Damansara

Kompleks Damansara adalah projek Pusat Sukan yang terbaru (rujuk lampiran III dan IV). Kedudukan kompleks ini adalah berdekatan dengan Kompleks Kolam Renang dan kawasan perumahan Damansara. Kompleks ini berbeza daripada kompleks yang lain kerana tujuannya adalah untuk mendapatkan sumber kewangan bagi pembangunan sukan di Universiti Malaya.

E. Kesimpulan

Universiti telah cuba meningkatkan kemudahan-kemudahan sukan di kampus supaya penglibatan pelajar dapat dimaksimumkan. Apabila pembinaan tiga buah kompleks sukan siap maka sudah tentu Universiti Malaya akan menjadi sebuah tempat perkembangan bakat-bakat sukan yang datang dari sekolah. Dengan ini program-program sukan di kampus seperti Sukan Minggu Haluan Siswa, Sukmas, TIG dan Sukmum akan dapat dijalankan dengan mudah.

Namun segala usaha pembangunan ini akan menjadi sia-sia sekiranya para pelajar masih menunjukkan sikap yang dingin terhadap kegiatan sukan di Universiti Malaya. Para pelajar harus menggunakan peluang di kampus untuk mengembangkan bakat sukan yang ada pada mereka supaya

mencapai tahap yang lebih cemerlang lagi daripada di peringkat sekolah. Apakah pula sikap dan harapan pelajar dalam pembangunan sukan di Universiti Malaya? Segalanya akan dibincangkan dalam bab yang berikut dengan lebih jelas lagi.

University Of Malaya

### BAB III

#### PEMBANGUNAN SUKAN DAN PENGLIBATAN PELAJAR

##### A. Pendahuluan

Sejak tahun 1980 hingga kini, Universiti Malaya telah mengalami perubahan demi perubahan dari segi pembangunan dan penglibatan pelajar dalam bidang sukan. Falsafah dan matlamat sukan sentiasa berubah. Kini, ianya bermatlamatkan supaya melahirkan individu yang cergas dan sihat dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi. Di samping itu, falsafah Universiti Malaya yang tidak kurang penting ialah untuk melahirkan atlit-atlit yang cemerlang dalam sukan masing-masing.

Sungguhpun prestasi kecemerlangan sukan memerlukan tahap kecerdasan fizikal dan kemahiran motor yang tinggi tetapi ia lebih memerlukan kematangan mental dan kestabilan emosi. Perakuan terhadap nilai sukan sebagai sumber pendidikan telah lama dikenalpasti tetapi adalah amat menghairankan nilai-nilai ini tidak dieksplotasikan dan dipergunakan secara maksima.

Universiti-univeristi tempatan sewajarnya dapat memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ke arah

kecemerlangan sukan. Akan tetapi, sebelum itu matlamat sukan di universiti haruslah jelas. Di Universiti Malaya, falsafah dan matlamat sukan telah mendapat satu sinaran baru dalam proses pembangunan sukan khasnya apabila kegiatan sukan berada di bawah pimpinan Pusat Sukan. Falsafah sukan yang baru ialah yang menampakkan ciri-ciri yang merangkumi aspek individu dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi dan penglibatan seratus peratus pelajar dalam aktiviti sukan.

#### B. Penglibatan Pelajar


##### 1. Pendahuluan

Kegiatan sukan di Universiti Malaya tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya penglibatan pelajar gagal mencapai prestasi yang diharapkan. Jika univesiti menyediakan kemudahan-kemudahan sukan yang tidak digunakan secara maksima oleh pelajar, maka aktiviti sukan dari segi pembangunannya akan terbantut.

Bahagian ini merupakan bahagian yang sangat penting di mana segala aspek yang melibatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di Universiti Malaya telah dikaji dengan teliti.

Dalam suatu pembentangan kertas kerja bertajuk Falsafah, Objektif dan Struktur Kegiatan Sukan dan Jasmani di Universiti Malaya, telah dinyatakan satu pengkategorian dari segi penglibatan pelajar dalam bidang sukan di Universiti Malaya. Penglibatan pelajar secara umum dalam kegiatan sukan dan jasmani sebagaimana yang digambarkan di dalam rajah segitiga di bawah boleh dibahagiakn kepada tiga kategori.

Rajah 3.1 : Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukan



- i. Kategori sangat aktif adalah golongan pelajar yang terdiri daripada 5 peratus daripada populasi pelajar universiti.
- ii. Kategori aktif adalah berjumlah kira-kira 30 peratus daripada populasi pelajar universiti.
- iii. Kategori kurang aktif adalah baki 65 peratus populasi pelajar yang dianggap kurang melibatkan diri atau tidak terlibat secara langsung dalam sebarang kegiatan sukan dan jasmani.


Akan tetapi pengkategorian sedemikian tidak bersifat mutlak, kerana ianya tidak disokong oleh bukti-bukti empirik yang nyata. Oleh itu tidak terdapat sebarang bukti atau data yang konkret untuk menunjukkan peringkat penglibatan pelajar di dalam sukan di Universiti Malaya. Kini Universiti Malaya menumpukan perhatian pada penglibatan 100 peratus pelajar dalam aktiviti sukan. Peringkat penglibatan yang dimaksudkan ialah:

- i. 20 peratus pelajar mengambil bahagian di dalam pertandingan besar seperti Sukmas dan 'Asean Universiti Games'.
- ii. 30 peratus pelajar yang mengambil bahagian untuk keseronokan dan kecergasan serta pertandingan antara

kolej.

- iii. 50 peratus pelajar yang mengambil bahagian untuk keseronokan dan kecergasan.

Rajah 3.2 : Penglibatan 100% untuk pencapaian kecemerlangan



Jika dibandingkan dengan universiti-universiti tempatan lain, Universiti Malaya masih ketinggalan belakang dalam melahirkan jaguh-jaguh sukan dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Dalam mencapai impian ini, sudah tentunya peranan yang dimainkan oleh pelajar dalam pembangunan sukan adalah penting. Adakah pelajar-pelajar telah mengubah sikap mereka dan sanggup berkecimpungan

dalam aktiviti sukan? Selain daripada soalan sedemikian, apabila dikaji penglibatan pelajar dalam sukan di universiti, kita harus mengkaji keadaan mereka semasa di sekolah. Ini adalah kerana setiap aspek yang mereka alami akan sentiasa berubah apabila pelajar menjelak kaki di univeriti.

Satu kajian telah dibuat ke atas 100 orang pelajar Universiti Malaya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan jantina. Perlu diambil perhatian bahawa segala penemuan tidaklah mewakili pendapat kesemua pelajar Universiti Malaya. Oleh itu, generalisasi tidak boleh dibuat mengenainya. Tambahan pula analisis kajian hanya menitikberatkan pandangan pelajar yang memulangkan soal-selidik. Maka, ianya bukanlah kesimpulan yang bersifat mutlak.

## 2. Penemuan Kajian

Kajian harus dilakukan ke atas golongan pelajar yang betul-betul minat dalam menjawab soalan-soalan berkenaan sukan. Oleh yang demikian, telah dibuat satu penyelidikan awal untuk mengetahui minat responden dalam kegiatan sukan. Berdasarkan kepada jawapan yang diterima, sebanyak 88.85 peratus daripada pelajar menyatakan minat mereka terhadap

sukan. Selebihnya merasakan kegiatan sukan bukan bidang yang mereka minati.

Jadual 3.1 : Minat Pelajar Dalam Sukan

---

Berminat 88.85%

---

Tidak Berminat 11.15%

---

Sumber : Soal Selidik

Berminat dalam sukan tidak bererti mereka harus melibatkan diri dalam sukan. Ianya boleh jadi hanya minat terhadap perkembangan dan pembangunan sukan. Apabila menganalisa tentang penglibatan dalam sukan, ianya adalah seperti dalam jadual 3.2 di bawah:

Jadual 3.2 : Penglibatan Pelajar Dalam Sukan

---

Terlibat 81.7%

---

Tidak terlibat 18.3%

---

Sumber : Soal Selidik

Penglibatan juga boleh jadi mereka melibatkan diri dalam pertandingan ataupun hanya untuk keseronokan dan rekreasi.

Sepertimana yang dinyatakan dalam Bab I, penglibatan pelajar dalam sukan apabila mereka menjelak kaki di universiti adalah berkurangan. Semasa di sekolah, mereka yang mewakili sehingga ke peringkat negeri pun kini menghilangkan diri begitu sahaja. Bagi pelajar-pelajar yang telah melibatkan diri, mereka telah mencapai pelbagai peringkat seperti mewakili rumah, sekolah, daerah dan negeri. Jadual 3.3 menunjukkan peringkat penglibatan pelajar di sekolah.

Jadual 3.3 : Peringkat Penglibatan Pelajar Di Sekolah

Wakil Rumah	31.8%
Wakil Sekolah	30.7%
Wakil Daerah	14.4%
Wakil Negeri	8.9%
Wakil Negara	-
Wakil ASEAN	-

Sewaktu di sekolah ramai pelajar mewakili sehingga ke peringkat rumah dan sekolah. Sebanyak 24.3% berjaya mengembangkan bakat mereka ke peringkat daerah dan negeri. Namun demikian, sebanyak 24.3% itu, kini hanya mewakili asrama dan universiti dan bukannya peringkat yang lebih tinggi. Kita harus menyelidiki apakah punca kemerosotan

pencapaian atlit-atlit ini. Jawapan kepada soalan ini akan dibincangkan dalam bahagian masalah-masalah pelajar dalam melibatkan diri dalam sukan. Daripada penemuan kajian yang dilakukan dapat dirumuskan bahawa:

- i. Penglibatan pelajar di universiti merosot berbanding dengan di sekolah
- ii. Pelajar yang mewakili negeri dan daerah, kini lebih cenderung untuk hanya mewakili asrama dan setinggi-tingginya ialah di peringkat antara universiti.

### 3. Masalah-masalah Dihadapi Oleh Pelajar

Penemuan kajian menunjukkan bahawa masalah-masalah yang wujud bila pelajar melibatkan diri dalam sukan dapat digolongkan dalam lima jenis masalah yang utama iaitu dari segi akademik, masa, kemudahan sukan, tidak adanya panduan dan jurulatih dan akhirnya galakan pihak lain seperti ibubapa dan kawan.

#### a. Akademik

Akademik merupakan bidang yang harus diberikan penekanan penting dalam mencapai kejayaan di universiti. Namun demikian sukan juga harus dianggap sebagai saluran yang mengembangkan ciri-ciri positif dalam diri seseorang dari segi disiplinkan diri, sabar, berjuang, sikap menerima

kekalah dan sebagainya. Apabila ditanyakan beban akademik kepada responden hampir 44.85% tidak setuju kegiatan sukan mengganggu prestasi akademik mereka. Hanya 21.2% yang bersetuju bahawa kegiatan sukan menjelaskan prestasi akademik mereka. Yang lain pula mengambil sikap berkecuali. Kebanyakan daripada responden mengatakan bahawa, pembahagian masa yang baik tidak akan menganggu prestasi akademik. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa pelajar gagal dalam membahagikan masa antara akademik dengan sukan. Lantas merasakan sukan hanya membebankan akademik. Ada pula pelajar (responden) yang mengatakan sukan memenatkan dan menganggu konsentrasi sewaktu belajar.

b. Masa Bersukan

Ada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah dari segi masa apabila hendak melibatkan diri dalam sukan. Misalnya, ada pelajar-pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran mempunyai kuliah sehingga jam 9.00 malam. Maka, mereka hanya boleh melibatkan diri dalam kegiatan sukan pada hujung minggu atau dalam tempoh satu atau dua jam sebelum gelap. Bila ramai yang ingin menggunakan tempoh pendek ini, tempahan awal harus dirancangkan dan adakalanya permohonan ini tidak dapat dipenuhi.

Kebanyakan tempat bersukan hanya boleh digunakan waktu siang sahaja kerana tidak ada bekalan lampu. Dengan ini, ramai yang ingin menempah gelanggang-gelanggang sukan pada waktu malam kerana hanya di sinilah pelajar boleh bergiat dalam sukan kerana gelanggangnya berlampa. Pada waktu siang pelajar ada kuliah, tutorial dan latihan di makmal. Waktu malam pula, ramai ke gelanggang. Maka, pelajar-pelajar akan dihadkan masa penggunaan gelanggang supaya semua pihak mendapat peluang. Ini akan menjelaskan pula kepuasan pelajar dan boleh memberi kesan kepada penglibatan pelajar dalam sukan.

c. Kemudahan yang kurang memuaskan

Ada di antara gelanggang dan padang yang digunakan oleh bukan sahaja pelajar-pelajar malah oleh kakitangan universiti dan badan-badan korporat yang lain. Dengan ini, padang sentiasa dipenuhi dan pelajar-pelajar tidak dapat menjalani latihan secara sistematik. Misalnya, padang ragbi bukan sahaja digunakan untuk permainan ragbi tetapi juga untuk permainan bola sepak, olahraga, bola baling dan bola jaring.

Satu lagi masalah yang dikemukakan oleh pelajar ialah tiadanya kemudahan untuk beberapa jenis sukan yang pelajar

minati. Misalnya, permainan kriket tidak mempunyai tempat permainan dan peralatan kriket juga tidak ada dengan secukupnya. Begitu juga dengan sukan olahraga. Ramai di antara pelajar universiti pernah melibatkan diri dalam sukan olahraga. Apabila mereka menjelak kaki di universiti keadaan kemudahan sukan olahraga didapati amat berkurangan dan memalukan. Misalnya, Universiti Malaya tidak mempunyai satu trek yang baik. Trek rumput yang ada sekarang tidak boleh digunakan ketika hujan. Tambahan pula, selekoh di dalam trek tidaklah elok khasnya di selekoh 200 meter. Saya sendiri sebagai seorang atlit olahraga pernah mewakili Asrama Bestari dan Universiti Malaya selama 4 tahun berturut-turut. Saya dapati keadaan trek semasa berlari di selekoh 200 meter tidak selesa berbanding trek-trek yang ada di universiti-universiti lain misalnya Universiti Sains Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Selain daripada itu tidak ada peralatan sukan olahraga seperti 'starting block', peralatan lompat tinggi yang baik dan lompat bergalah.

Satu daripada masalah pelajar khasnya atlit-atlit olahraga ialah, apabila sebarang kejohanan antara varsiti hampir, atlit-atlit ini terpaksa menjalani latihan di luar seperti di Kampung Pandan. Masa perjalanan pergi balik

dari kampus ialah kira-kira satu jam tanpa sebarang 'traffic-jam'. Ini menyukarkan pelajar-pelajar supaya berlatih secara puas dan sistematik kerana atlit yang tinggal di asrama perlu balik sebelum jam 7.30 malam untuk makan malam.

Keadaan-keadaan sedemikian sudah semestinya akan menjadikan prestasi atlit dan pelajar. Ini seterusnya akan membawa kepada keinginan untuk bersukan yang berkurangan dan akan menjadikan penglibatan mereka dalam sukan masing-masing. Lantaran itu, pembangunan sukan akan terjejas di masa akan datang sekiranya masalah-masalah ini tidak diatasi.

d. Kekurangan jurulatih

Prestasi dan kecemerlangan seseorang ahli sukan bergantung kepada berbagai faktor. Antaranya yang paling penting ialah sistem latihan dan peranan jurulatih. Di universiti-universiti tempatan khasnya di Universiti Malaya, kebanyakan pemain-pemain dan atlit-atlit berlatih tanpa panduan dan tunjukajar yang sistematik daripada jurulatih. Universiti sedang menghadapi dilema kekurangan jurulatih profesional.

Saya sendiri merupakan atlit olahraga yang pernah mengambil bahagian dalam sukan olahraga sejak di bangku sekolah lagi. Sewaktu saya mewakili sekolah, daerah dan negeri, saya ditunjukajar oleh beberapa orang jurulatih untuk bertanding dalam Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) dan Sukan Malaysia kedua di Bangi pada tahun 1988. Tetapi, di universiti saya dapati tidak ada sebarang panduan dan latihan yang dikendalikan oleh jurulatih. Kalau adapun, hanya untuk beberapa jenis sukan seperti bola sepak, bola keranjang dan bola tampar. Inipun tidaklah terdiri daripada jurulatih profesional.

Oleh itu, pelajar-pelajar mengimbas kembali dan menggunakan pengalaman yang ada pada mereka sewaktu di sekolah untuk menghadapi kejohanan-kejohanan di universiti. Saya dipilih sebagai Olahragawan Sukmum I pada sesi yang lepas di mana saya memperolehi lima pingat emas dan mencipta satu rekod baru dalam acara 200 meter. Tetapi, kejayaan yang diperolehi itu tidaklah atas apa-apa panduan atau galakan oleh jurulatih. Saya menggunakan pengalaman saya dahulu untuk mencapai peringkat kecemerlangan yang sedemikian.

dalam sukan, tetapi ianya akan menjelaskan prestasi seseorang atlit dalam jangkamasa yang panjang.

#### 4. Penyelesaian Masalah

Setiap bidang di universiti mempunyai masalah. Malah setiap individu yang melibatkan diri dalam apa-apa bidang sudah tentu mempunyai masalah samada kecil atau besar. Prestasi akademik yang dianggap oleh sesetengah pelajar iaitu kegiatan sukan membebankan dan menjelaskan prestasi akademik masih boleh diatasi. Daripada, jumlah responden yang dikaji selidik, hanya 21.2% pelajar yang mengatakan kegiatan sukan menjelaskan akademik. Apa yang harus dilakukan oleh pelajar-pelajar ini ialah supaya pandai membahagikan masa di antara dua bidang yang penting. Mereka harus memahami bahawa melalui aktiviti sukan, seseorang itu akan menjadi cergas dan sihat dan bukannya penat dan letih. Yang dikatakan kegiatan sukan memenatkan sewaktu pembelajaran dalam kuliah ialah mungkin mereka melibatkan diri dalam aktiviti sukan terlalu lama.

Masalah kemudahan sukan diharap dapat diatasi apabila projek atau rancangan kemudahan sukan disiap bina. Sekurangan jurulatih dapat diatasi oleh Pusat Sukan di mana universiti melalui Pusat Sukan boleh meminjam jurulatih-

2. Setuju (S)
3. Berkecuali (B)
4. Tidak setuju (TS)
5. Tidak setuju sama sekali (TSS)

Jadual 3.4 : Tindakan terhadap soalan am

	SS	S	B	TS	TSS
Universiti bukan tempat yang sesuai untuk melibatkan diri dalam sukan	2.5%	10.8%	15.1%	41.2%	30.9%
Kegiatan sukan bertambah maju di universiti jika kemudahan sukan ditambah.	30.9%	56.5%	10.1%	3.1%	0
Jurulatih memainkan peranan penting dalam menarik penglibatan pelajar dalam sukan	29.8%	47%	10.2%	2.5%	0
Kegiatan berunsur sosial yang lain lebih mendatangkan faedah daripada kegiatan sukan	8.9%	18.2%	41.1%	21.1%	4.8%

Daripada analisa kajian di atas didapati, bahawa ramai tidak setuju bahawa universiti bukanlah tempat untuk bergiat aktif dalam sukan iaitu sebanyak 41.2%. Sebanyak 47% daripada responden menyetujui bahawa jurulatih memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pelajar-pelajar terus aktif dalam sukan.

menganugerahkan anugerah-anugerah seperti Olahragawan, Olahragawati, Ahli Sukan Cemerlang, Warna Penuh, Separuh Warna, Bintang Harapan, Ahli Sukan Serba Boleh sebagai tanda terima kasih kepada jasa seseorang ahli sukan. Ini memberikan satu inspirasi kepada para ahli sukan supaya terus aktif dalam bidang sukan. Satu lagi peranan yang boleh dimainkan oleh pihak asrama ialah melalui kriteria pemilihan penghuni untuk tinggal di asrama.

Ada di antara asrama yang mengamalkan sistem pemarkahan dalam memilih penghuni untuk tinggal di asrama. Misalnya, semasa saya sendiri memegang jawatan sebagai Pengurus JKP Sukan dan Jasmani di Asrama Keempat (Bestari) pada sesi 1991/92, JKP kami mengamalkan sistem pemarkahan kepada pelajar-pelajar aktif dalam projek-projek anjuran JKP Sukan.

Satu lagi aspek yang dapat dilaksanakan oleh asrama ialah penggalakkan tambahan kepada pelajar-pelajar demi menjaga kepentingan mereka dalam sukan. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Penyediaan kemudahan-kemudahan sukan.
- b. Peruntukan wang yang mencukupi untuk membeli peralatan sukan.
- c. Latihan khas semasa cuti penggal dengan tidak kenakan apa-apa bayaran.
- d. Memberikan penghargaan bukan sahaja dalam bentuk anugerah malah juga dalam bentuk majlis jamuan, pemberian pakaian sukan seperti baju T, 'spike', 'track suit' dan sebagainya.
- e. Memastikan pencapaian-pencapaian pemain direkodkan di dalam majalah asrama sebagai kenangan dan penghargaan.

Penubuhan kelab juga penting dalam mengembangkan aktiviti sukan di universiti. Melalui kelab-kelab permainan aktiviti sukan bertaraf elit dan juga rekreasi dapat dilaksanakan. Ini akan tentu mendapat sambutan daripada pelajar demi menarik mereka untuk melibatkan dalam aktiviti sukan. Rancangan ini telahpun dilaksanakan dengan berjaya di Asrama Bestari pada sesi 1991/92 di mana kelab pertama yang ditubuhkan di Universiti Malaya ialah Kelab Olahraga Asrama Bestari. Kelab ini mempunyai organisasinya sendiri dan menganjurkan pelbagai aktiviti sukan samada dari segi elit ataupun rekreasi (Sila lihat lampiran V).

Jika asrama memainkan peranan penting dalam perkembangan sukan di kalangan penghuninya, Persatuan Puspita pula adalah untuk pelajar-pelajar yang tinggal di luar kampus. Persatuan Puspita sebagai mewakili pelajar-pelajar yang tinggal di luar kampus sentiasa memberikan sokongan yang padu dalam menjayakan pembangunan sukan di universiti. Sokongan mereka adalah bersifat sokongan moral dalam ertikata menghantar peserta dan melibatkan pelajar-pelajar yang tinggal di luar kampus dalam segala jenis aktivit sukan anjuran universiti.

#### D. Kesimpulan

Pembangunan sukan dan penglibatan pelajar di Universiti Malaya banyak bergantung kepada pelbagai pihak yang terlibat. Pusat Sukan, Penadbiran Asrama, Persatuan Puspita, Pentadbiran Universiti, Pentadbiran Fakulti adalah antara pihak-pihak atau komponen-komponen yang penting dalam pembangunan aktiviti sukan dan untuk menarik minat pelajar dalam kegiatan sukan di universiti.

Apabila sesuatu program sukan besar dianjurkan oleh asrama atau universiti, imej asrama dan universiti di kalangan masyarakat akan disanjung tinggi. Misalnya,

30 iaitu pertandingan catur di peringkat kebangsaan malah di peringkat Asia. Manakala Asrama Zaba pula dengan 'Zaba Quarter Marathon' yang begitu popular di kalangan peminat olahraga tempatan.

Dengan ini jelas bahawa pembangunan sukan dan penglibatan pelajar sangat bergantung kepada semua pihak yang terlibat.

## BAB IV

### CADANGAN-CADANGAN, PROSPEK DAN KESIMPULAN

#### A. Pendahuluan

Universiti Malaya sebagai institut pengajian tinggi yang tertua di Malaysia harus memainkan peranan yang penting sebagai universiti yang melahirkan bukan sahaja pelajar yang cemerlang dalam akademik bahkan juga dalam bidang sukan. Untuk mencapai matlamat ini, bukanlah satu perkara yang mudah. Ianya memerlukan satu penganalisaan yang terperinci dan mendalam.

Dalam bab ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan supaya Universiti Malaya menjadi Pusat Pengajian Tinggi yang menjadi medan melahirkan jaguh-jaguh sukan. Di samping itu, cadangan-cadangan juga akan dapat membantu pelajar-pelajar untuk melibatkan diri dalam aktivit sukan dengan lebih luas lagi. Dalam bab ini juga akan dilihat prospek pembangunan sukan dari segi pengurusan sukan, penyelidikan sukan, psikologi sukan dan lain-lain lagi. Akhirnya, kesimpulan menyeluruh akan dibuat sebagai penutup kepada latihan ilmiah ini.

## B. Cadangan-cadangan

### 1. Mengubahsuaiakan sistem pendidikan

Sebagaimana yang diketahui sistem pendidikan negara kita hampir sepenuhnya menekankan kepada pelajaran akademik. Di sini, Universiti Malaya sebagai universiti tertua di negara boleh mengambil initiatif untuk mendesak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan merombak sedikit sebanyak sistem pendidikan yang ada sekarang.

Universiti pada dasarnya mengutamakan perkembangan intelek dan ini bermakna hanya segolongan kecil sahaja yang akan menuntut di universiti. Pelajar-pelajar yang berbakat besar dalam sukan di peringkat sekolah dibiarkan begitu sahaja. Apa yang cuba dicadangkan ialah sistem pendidikan haruslah memberi makna yang wajar bagi semua golongan pelajar sekolah samada golongan cerdik pandai mahupun golongan yang kurang dari segi pencapaian akademik. Memberi makna di sini adalah dalam ertikata ia seharunya merupakan suatu proses untuk mengembangkan personaliti dan potensi pelajar-pelajar samada dalam bidang akademik atau dalam bidang sukan. Misalnya, dengan keputusan peperiksaan yang minima, pelajar-pelajar harus diberi kelayakan masuk ke universiti. Ini seterusnya dapat melahirkan ahli-ahli sukan yang cemerlang sehingga ke peringkat kebangsaan.

Dengan terlaksananya cadangan ini akan wujud tiga kelas pelajar di universiti iaitu:

- i. Pelajar yang cemerlang dalam sukan tetapi hanya mempunyai kelayakan minima. Pencapaian mereka dalam sukan akan mempengaruhi keputusan peperiksaan. Sistem ini telahpun dilaksanakan di salah sebuah negara Asia iaitu di Korea Selatan. Skuad bolasepak Korea Selatan sewaktu Sukan Asia 1990 di Beijing, China, hampir kesemua pemain terdiri daripada pelajar-pelajar universiti.
- ii. Pelajar yang cemerlang dalam sukan dan akademik. Golongan ini harus ditawarkan biasiswa universiti dan pengiktirafan mengenai kecemerlangan sukan di dalam sijil ijazah mereka.
- iii. Golongan pelajar yang cemerlang dalam akademik tetapi masih aktif dalam sukan di tahap rekreasi.

## 2. Pemberian Mata Kredit

Pelajar-pelajar universiti yang aktif dalam sukan bukan sahaja harus mempelajari berbagai kursus dalam akademik, bahkan juga memperuntukkan begitu banyak masa dalam aktiviti sukan. Satu kaedah yang dapat mengurangkan

beban mereka dalam kedua-dua bidang ini ialah melalui pemberian mata kredit. Kaedah ini dilakukan di beberapa universiti tempatan lain seperti di Universiti Sains Malaysia. Dengan adanya sistem ini maka keadilan terhadap pelajar yang terlibat dalam sukan dengan yang tidak terlibat akan terjamin.

Di sini, pihak universiti harus teliti dengan kriteria kecemerlangan pendidikan yang lebih longgar dan liberal dengan menyertakan sukan sebagai salah satu kriteria penting. Pemberian mata kredit pula haruslah berdasarkan peringkat pencapaian pelajar dalam sukan.

#### c. Prospek Pembangunan Sukan

Bidang-bidang seperti pemakanan sukan, psikologi sukan, pengurusan sukan, pentadbiran sukan, sains dan perubatan sukan merupakan beberapa cabang ilmu. Satu prospek pembangunan sukan yang penting ialah, menjadikan cabang-cabang ilmu ini sebagai kursus-kursus yang berkaitan dengan fakulti yang berkenaan supaya individu dapat memilih kursus yang diminatinya. Ini secara tidak langsung akan melibatkan para pelajar dalam perkembangan dan pembangunan sukan di universiti. Dengan keadaan sedemikian, pelajar tidak akan menggunakan alasan sukan membebankan akademik

kerana sukan itu sendiri telah menjadi suatu bentuk akademik dan perlu dipelajari untuk lulus peperiksaan.

Di negara kita, sukan mula menuju ke arah profesionalisme. Salah satu daripada prospek pembangunan sukan di Universiti Malaya ialah, universiti ini boleh menjadi sebuah institut yang akan memberikan sumbangan kepakaran dalam pelbagai bidang perancangan dan penyelidikan. Antara bidang penyelidikan yang menjadi prospek ialah:

- i. Mengapakah sambutan sukan dalam kampus dingin dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil?
- ii. Bagaimana prestasi sukan dapat ditingkatkan?
- iii. Psikologi Sukan
- iv. Pengkaedahan latihan sukan
- v. Pemakanan sukan

#### D. Kesimpulan

Bidang sukan di Universiti Malaya sentiasa mengalami perubahan demi perubahan sejak tahun 1980 lagi. Falsafah dan matlamatnya pun berubah di mana kini, matlamat sukan universiti ini adalah untuk melibatkan 100% pelajar dalam aktiviti sukan. Daripaa 100% pelajar itu, 50% melibatkan untuk keseronokan dan secara rekreatif, 30% mengambil

anugerah-anugerah sukan kepada atlit-atlit yang berjasa kepada universiti. Majlis Penganugerahan ini biasanya akan diadakan pada hari terakhir pertandingan SUKMUM.

Aktiviti sukan di Universiti Malaya sentiasa melahirkan ciri-ciri yang positif yang lebih menampakkan ciri-ciri yang merangkumi aspek kemanusiaan dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi.

Namun, pelbagai faktor seperti tekanan akademik, kekurangan galakan dan pemahaman konsep sukan yang salah telah mempengaruhi pendirian pelajar-pelajar. Pembangunan sukan dan penglibatan pelajar di peringkat asrama pula, akan terjejas sekiranya Pengetua dan penyelia-penyelia serta Jawatankuasa Tindakan Asrama tidak memberi penekanan yang sewajarnya kepada pembangunan sukan di universiti.

## BIBLIOGRAFI

### Buku

Coakley, J.J., Sport in Society : Issues and Controversies, Saint Louis, The C.V. Mosby Company, 1978.

John W. Loy., Sport and Social Order : Contribution to the Sociology of Sports, Addison-Wesley Publishing Company, Amherst, 1975.

Jokl, Ernst., International Research in Sport and Physical Education, Springfield, 1964.

McIntosh, Peter, C., Sport in Society, London : C.A. Watts, 1963.

### Kertas Kerja

Chatar Singh, Kertas Kerja Sports in the University, Symposium on extracurricular Activities of University Students in Malaya, Singapore, 1954.

Che Hashim Hassan dan Abdul Hadi Yaacub, Kertas Kerja Falsafah, Objektif dan Struktur Kegiatan Sukan dan Jasmani di Universiti dan Asrama, Universiti Malaya.

Khoo Kay Kim, Sukan dan Media Massa, Kertas kerja Seminar Penulisan Sukan, Kuala Lumpur, 1 Disember 1987.

Mohd. Yunus Mohd. Noor, Dato', Kertas Kerja Sukan Cemerlang di Universiti Tempatan : Isu, Masalah dan Cadangan, Bengkel Sukan Cemerlang di Universiti Tempatan, Institut Pengurusan Pendidikan Negara, Sri Layang, Genting Highlands, Pahang, 3-4 Februari, 1986.

### Laporan

Kalendar Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974-1990.

Kunju Raman Ravinther, Laporan Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani Asrama Bestari, Kuala Lumpur, sesi 1990/91.

Laporan Naib Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur,  
1971-1989.

Majalah

Majalah Varsiti, Universiti Malaya Student Union, Kuala Lumpur, 1965-1974.

Majalan Varsiti, Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976-1991.

Maklumat Pelajar, Universiti Malaya, Hal Ehwal Pelajar, Kuala Lumpur, 1978-1991.